

30/08/1999

Yeo, Tan juara tidak rasmi

Saufi Hamzah

ERIC Yeo dan rakannya, Raymond Tan, yang memandu Proton Putra muncul juara keseluruhan tidak rasmi Lumba Merdeka 300KM Antarabangsa Proton selepas mengharungi persaingan 55 pusingan di Litar F1 Sepang, semalam.

Zulkifflee Hassan dan Kevin Low menyusul di tempat kedua manakala gandingan Charanjit Singh dan Chua Kim Choy ketiga.

Namun, keputusan rasmi hanya akan diumumkan hari ini disebabkan berlaku masalah teknikal terhadap sistem catatan masa.

Berikutan penangguhan keputusan rasmi itu, penganjur terpaksa mengumumkan senarai pemenang tiga tempat teratas tidak rasmi bagi meredakan kekecohan selepas perlumbaan tamat.

Jika awalnya, sidang akhbar yang diatur untuk pemenang tiga tempat teratas diadakan, pihak penganjur sebaliknya mengumumkan sidang akhbar tidak rasmi sahaja yang diadakan memandangkan keputusan rasmi belum dapat dikeluarkan.

Menurut Clerk of Course acara itu, Jeff Amin, keputusan rasmi tidak dapat dikeluarkan walaupun perlumbaan tamat.

"Selain masalah teknikal yang dihadapi, kami perlu memeriksa semula setiap kereta yang menamatkan perlumbaan sebelum boleh mengumumkan keputusan rasmi.

"Namun, harus diingat perlumbaan memang berlangsung selama 55 pusingan. Soal sistem catatan masa, kesemua peralatan dan kakitangan ialah bidang kuasa Sepang International Circuit (SIC)," katanya ketika ditemui wartawan.

Sebanyak 70 kereta dilepaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dari petak permulaan Lumba Merdeka 300KM Antarabangsa Proton edisi ketiga itu yang menawarkan hadiah pertama keseluruhan sebuah kereta Satria GTi.

Seorang pegawai SIC mengakui sistem catatan masa yang dikendalikan mengalami masalah ketika berlangsungnya perlumbaan berkenaan.

"Namun, ini bukan isu besar kerana sistem ini tidak akan digunakan ketika litar ini menganjurkan perlumbaan Formula Satu nanti. Ini kerana sistem catatan masa dikendalikan sepenuhnya oleh Formula One Management Limited," katanya.

Sementara itu, Eric berkata walaupun mereka diumumkan juara tidak rasmi, ia sudah cukup menggembirakan kerana berjaya mengharungi perlumbaan tahan lasak berkenaan.

"Ini adalah gandingan pertama saya dengan Raymond. Kereta kami kurang baik pada peringkat awal kerana cuaca dan hanya mengekalkan rentak untuk meneruskan perlumbaan," kata Eric.

Juara bertahan, Keifli Othman, pula mengalami kekecewaan paling besar apabila gagal menamatkan perlumbaan berikutan kerosakan sistem brek keretanya.

Dia yang mewakili pasukan Genesis World Racing menarik diri dalam pusingan ke-17 selepas bendalir breknya bocor, menyebabkan kereta Proton Putra yang dipandunya sukar membrek, terutama di selekoh.

Sebaik sahaja mengesan masalah itu, Keifli memasuki pit dalam pusingan ke-16, dan selepas rakannya, Zureen Zulkifli, mengambil alih stering, mereka terpaksa menarik diri.

Turut serta ialah pelayar Jalur Gemilang, Datuk Azhar Mansor.

(END)